

# MB`janjikan pembangunan berterusan

BH 25 AUG 2000

SHAH ALAM, Khamis – Majlis mengangkat sumpah pelantikan Menteri Besar Selangor ke-13 yang berlangsung di Istana Alam Shah, di sini, hari ini, menyaksikan Dr Mohamad Khir Toyo mengangkat sumpah bersama barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) lama yang dikekalkan jawatan mereka.

Pada majlis itu, Dr Mohamad Khir dan sepuluh Exco kerajaan negeri mengangkat sumpah dan menerima watakah pelantikan daripada Pemangku

Raja Selangor, Tengku Idris Shah pada jam 10 pagi.

Exco kerajaan negeri yang mengangkat sumpah ialah Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad, Datuk Mohd Sharif Jajang, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan, Datuk Abdul Fatah Iskandar, Datuk Rala Ideris Raja Ahmad, Datuk Tan See Hang, Datuk Ch'ng Toh Eng, Lum Weng Keong, Datuk K Sivalingam dan Norkhaila Jamaluddin.

Ketika membacakan ikrar taat setia, Dr Mohamad Khir berkata, beliau akan berusaha membalas

kepercayaan rakyat menerusi perancangan agenda pembangunan yang berterusan.

Menurutnya, kerajaan negeri juga akan berusaha..bersungguh-sungguh merancang dan melaksanakan pembangunan negeri Selangor secara seimbang terutama pembangunan fizikal dan insan serta pembangunan di bandar mahupun luar bandar.

“Patik yakin berkat sokongan semua pihak termasuk pemimpin Barisan Nasional di negeri initer-

masuk tunjuk alar dan nasihat tuanku sendiri, hasrat untuk menjadikan negeri Selangor maju tahun 2005 dapat diterusya dengan jayanya.

“Sementara bagi mengimbangi pembangunan fizikal dengan pembangunan insan, kerajaan negeri akan berusaha memajukan kemajuan fizikal ini tidak dicemari dengan gejala sosial yang kurang sihat dan tidak bermoral di kalangan anak muda kita,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berikrar mempertingkat-

kan program pembangunan keagamaan dan moral untuk memberi kesedaran kepada rakyat bahawa untuk menjadi negeri maju, kita juga memerlukan semua anggota masyarakat yang memiliki moral tinggi.

“Justeru itu, Jawatankuasa Pembangunan Kemajuan Negeri yang sedia ada akan digerakkan dengan lebih aktif supaya dapat memainkan peranannya menangani gejala sosial masyarakat dengan lebih menyeluruh dan berkesan,” katanya.